

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 13/04/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 9



ABDUL FATTAH ABDULLAH (tengah) bersama wakil-wakil koperasi sekolah di Temerloh, semalam. - UTUSAN/ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

Angkasa rancang panel solar 100 sekolah

TEMERLOH 12 April - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mengorak langkah dalam memperkasakan gerakan koperasi apabila bakal melaksanakan projek panel solar bernilai RM25 juta melibatkan koperasi-koperasi sekolah.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, Angkasa telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Pendidikan bagi melaksanakan program berkenaan di 100 buah sekolah di seluruh negara.

"Kita sedang mengenal pasti sekolah-sekolah itu termasuk di negeri ini sebelum diserahkan

kepada Kementerian Pendidikan untuk mendapat kelulusan.

"Jika projek ini dapat dilaksanakan, setiap koperasi sekolah terlibat mendapat tambahan pendapatan hasil daripada jualan tenaga elektrik yang diperoleh daripada program solar ini kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan purata RM160 se-bulan untuk tempoh 12 tahun dan RM2,000 sebulan selepas 12 tahun," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akbar selepas program dialog bersama koperasi-koperasi sekolah di daerah ini di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan

(SMK) Abu Bakar Temerloh di sini semalam.

Yang hadir sama Ketua Unit Pembangunan Kemanusiaan Pejabat Pendidikan daerah, Mohd. Affendey Mohd. Saad.

Menurut Abdul Fattah, panel solar bernilai RM250,000 setiap satu itu mampu membekalkan 24 kilowatt sejam (kWh) tenaga elektrik kepada TNB.

Beliau memberitahu, panel solar berkenaan diletakkan di atas garaj kereta yang boleh memuatkan 13 buah kenderaan sekali gus mampu memanfaatkan ruang di kawasan sekolah.

Beliau berkata, program yang

dicadangkan sejak tahun lalu itu akan memberi manfaat besar kepada pembangunan koperasi sekolah yang mampu menjana pendapatan tetap secara berterusan.

"Setiap koperasi sekolah boleh memilih untuk melakukan pembiayaan sendiri atau membuat pinjaman melalui Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Berhad (Kopsya)," ujarnya.

Sementara itu, beliau berharap kira-kira 2,300 koperasi sekolah di seluruh negara dapat mencari pelbagai sumber pendapatan baharu dalam usaha memperkasakan koperasi masing-masing.

Perpustakaan Koperasi Malaysia